



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
TINGKAT 5, BLOK F
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

Telefon : (+603) 2610 7003 Pengarah Kanan
 : (+603) 4051 8816 Pengarah BPPK
 : (+603) 2610 7501 Pengarah BPPA
 : (+603) 4051 8474 Ketua BPKS
Faksimili : (+603) 4041 1940
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami: (II)JKR.CPAB:700.111/009.Jld.32

Tarikh : 8 September 2022

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas
Pengarah JKR KESEDAR
Pengarah JKR KETENGAH
Semua Jurutera Daerah

**CADANGAN PELAKSANAAN MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK DI
PERINGKAT JKR CAWANGAN/JKR NEGERI/JKR WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, adalah menjadi keutamaan kepada Jabatan untuk memastikan projek pembangunan dan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan dapat disiapkan dan diserahkan mengikut perancangan supaya menepati kehendak pelanggan selaras dengan Visi Jabatan. Di dalam usaha untuk mencapai visi tersebut, perancangan rapi dan pemantauan berterusan amat penting untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar dan projek dapat diiklan, Surat Setuju Terima (SST) dan *Certificate of Practical Completion (CPC)* mengikut tarikh yang ditetapkan.

1/5



3. Sehingga kini, Jabatan telahpun melaksanakan pelbagai inisiatif dan di antaranya adalah Mesyuarat Pemantauan Projek di peringkat pengurusan tertinggi JKR Malaysia untuk memantau status pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan projek. Hal ini amat penting untuk memastikan bayaran interim perunding serta kontraktor dapat dijelaskan dengan segera tanpa sebarang tunggakan dan peruntukan tahunan yang diterima dapat dibelanjakan sepenuhnya tanpa pemulangan balik.

4. Justeru itu, bagi meningkatkan lagi prestasi pelaksanaan projek JKR, pejabat ini mencadangkan agar inisiatif pelaksanaan Mesyuarat Pemantauan Projek dilaksanakan di peringkat JKR Cawangan/JKR Negeri/JKR Wilayah Persekutuan sekurang-kurangnya satu (1) kali pada setiap bulan supaya pemantauan projek dapat dibuat dengan lebih menyeluruh.

5. Pelaksanaan inisiatif ini adalah merupakan kesinambungan pemantauan projek di peringkat pengurusan tertinggi JKR Malaysia yang mana melalui inisiatif ini, JKR Cawangan/JKR Negeri/JKR Wilayah Persekutuan akan lebih bersedia dan dapat menguruskan isu serta masalah projek dengan segera di peringkat Pengurus Program dan Pegawai Penguasa (PP)/ Pengarah Projek (PD) sebelum Mesyuarat Pemantauan Projek di peringkat pengurusan tertinggi JKR Malaysia berlangsung.

6. Bagi memastikan pengendalian mesyuarat ini efektif secara keseluruhannya, elemen pemantauan perlu dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti yang berikut:

- i. Kategori Projek Fizikal Pembinaan & Naik Taraf
- ii. Kategori Kerja Penyenggaraan dan Projek Pemulihan, Pemuliharaan, & Ubah Suai
- iii. Kategori Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan (FMM)

Manakala, bagi agenda pula adalah disyorkan seperti di **Lampiran A**. Walaubagaimanapun, agenda mesyuarat tersebut boleh ditambah/dikurangkan untuk disesuaikan mengikut fungsi JKR Cawangan/Negeri masing-masing.

7. Semoga dengan cadangan pelaksanaan inisiatif ini akan dapat menambahbaik kualiti pelaksanaan projek dan meningkatkan prestasi Jabatan sebagai Agensi Teknikal Persekutuan. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung pelaksanaan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



☞ (Ir. HJ ZULKIPL BIN HJ NASRI)

Pengarah Kanan

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Salinan kepada;

1. Ketua Pengarah Kerja Raya
2. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Infra)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pakar)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Bangunan)
5. Pengarah, Bahagian Pengurusan Projek Kompleks, CPAB
6. Pengarah, Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, CPAB

LAMPIRAN A

**AGENDA MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK DI PERINGKAT JKR
 CAWANGAN/JKR NEGERI/JKR WILAYAH PERSEKUTUAN**

Peringkat	Agenda
1. Kategori Projek Fizikal Pembinaan & Naik Taraf	
i. Laporan Prestasi Perbelanjaan Kewangan	
ii. Pra kontrak	1. Laporan Status Pelaksanaan Projek 2. Laporan Status Kerja Awalan 3. Laporan Status Reka Bentuk Projek 4. Laporan Perancangan dan Pencapaian Iklan 5. Laporan Perancangan dan Pencapaian Surat Setuju Terima (SST) 6. Laporan Status Lantikan Perunding
iii. Peringkat Pembinaan	1. Laporan Status Dokumen Kontrak Yang Belum Ditandatangani 2. Laporan Status Projek Lewat dan Projek Sakit 3. Laporan Pemantauan Projek Tiada Kemajuan Kerja 4. Laporan Pemantauan Status <i>Extension of Time</i> (EOT) 5. Laporan Status Projek Dalam Tempoh <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) 6. Laporan Status Projek Belum Ada Tindakan Pegawai Penguasa (SO)/Pengarah Projek (PD) 7. Pemantauan Prestasi <i>Certificate of Practical Completion</i> (CPC)
iv. Pasca Kontrak	1. Laporan Status Serahan Projek 2. Laporan <i>Statement of Final Account</i> (SOFA) 3. Laporan Penyerahan Lukisan Siap Bina (<i>As-Built Drawing</i>) 4. Laporan Pemantauan <i>Certificate of Making Good Defect</i> (CMGD) 5. Laporan Projek Siap Belum Tutup Akaun dan Bayaran Kontraktor Tertunggak 6. Laporan Bayaran Perunding Tertunggak 7. Laporan Status <i>As Completed Detailed Abstract</i> (ACDA)

Peringkat	Agenda
2. Kategori Kerja Penyenggaraan dan Projek Pemulihan, Pemuliharaan, & Ubah Suai	
i. Kemajuan Kewangan	Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Peruntukan, Perbelanjaan, Tanggung dan Baki
ii. Kemajuan Fizikal	Laporan Kemajuan Fizikal Perancangan, Perolehan, Pembinaan dan Siap
iii. Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB)	Pengurusan dan Penggunaan Aplikasi
3. Kategori Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan	
i. Laporan Prestasi Perbelanjaan & Kewangan	
ii. Pra kontrak	1. Laporan Status Persediaan dan Dokumentasi Tender (<i>Facility Condition Assessment (FCA)</i> , Kerja Pembaikan Kerosakan dan Senarai Aset/ Inventori) 2. Laporan Perancangan dan Pencapaian Iklan Laporan Perancangan dan Pencapaian Surat Setuju Terima (SST)
iii. Peringkat Operasi	1. Laporan Prestasi Bulanan (KPI, <i>Ascertained Performance Deduction (APD)</i> dan Status Aduan) 2. Laporan Status Notis Amaran/ Intervensi/ <i>Problem Solving Governance (PSG)/Contract Coordination Panel (CCP)</i> 3. Pemantauan Kontrak Tamat
iv. Pasca Kontrak	1. Laporan Verifikasi Kerja/Status Semasa Keadaan Aset Dalam Tempoh Transisi 2. Laporan Status Serahan Projek Lukisan Siap Bina (<i>As-Built Drawing</i>), <i>Operation and Manual (O&M)</i> , <i>Testing & Commissioning (T&C)</i> dan <i>Data Computerised Maintenance Management System (CMMS)</i> 3. Laporan Pemantauan Perakuan Akaun Muktamad Projek